

AL QURAN SEBAGAI TERAPI BUNYI BAGI MASALAH KEMAHIRAN PERTUTURAN DAN MASALAH EMOSI KANAK – KANAK AUTISM

Muhammad Anas bin Nor Rodin¹
Lokman Hakem bin Mohd Din²
Muhammad Afiq Syahmi bin Ahmad Bolkihah³
Sukhairu bin Sulaiman⁴

¹Fakulti Pengajian Al Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: anasnrdin@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Al Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: manzhakem48@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Al Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: afiqmuhd06@gmail.com)

⁴Darul Quran JAKIM, Malaysia, (E-mail: sukhairu@islam.gov.my)

ABSTRAK

Al-Quran telah dijadikan rujukan kepada sistem pendengaran, juga dikenali sebagai sistem pendengaran neuron, sebagai salah satu sistem deria utama-berbeza dengan sistem lain. Terapi bunyi seperti terapi muzik terbukti berkesan dalam mendapatkan semula pergerakan kemahiran motor yang terjejas untuk pesakit strok. Membaca Al-Quran atau mendengarnya secara berulang dapat mengurangkan tekanan dan mendatangkan ketenangan dan terapi ini terbukti setanding dengan terapi muzik menurut kajian tinjauan. Menurut penyelidikan, walaupun seseorang itu tidak boleh membaca atau memahami al-Quran, dengan mendengar ayat-ayat suci al-Quran dengan kuat juga cukup untuk menyebabkan peningkatan gelombang alpha EEG, yang dikaitkan dengan ketenangan pada individu normal. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja bermanfaat kepada umat manusia malahan mukjizatnya juga turut boleh dirasai kepada seseorang individu melalui pendengaran walaupun tidak memahami isi ayat- ayat tersebut. Oleh itu, dengan terapi pendengaran bunyi yang berkait dengan al-Quran ini, ia boleh dijadikan sebagai satu medium untuk anak-anak yang menghidapi autistik untuk membantu mengawal emosi dan tingkah laku mereka. Kajian ini dijalankan untuk mencari hubungan terapi bunyi (melalui bacaan al-Quran) terhadap individu autism dan kajian literatur juga turut dijalankan untuk memperolehi maklumat yang lebih mendalam tentang terapi bunyi melalui sumber seperti al-Quran dan hadis.

Kata Kunci: Autism, Terapi, Al Quran, Muzik.

Pengenalan

Kanak-kanak *autisme* seringkali berdepan dengan kesukaran dalam perkembangan kemahiran pertuturan dan juga mempunyai masalah pengurusan emosi. Al-Quran telah muncul sebagai sumber pengetahuan dan ketenangan yang tiada keraguan padanya. Keunikan bunyi dan irama Al-Quran telah menarik perhatian ramai penyelidik dan pakar terapi, menyebabkan peningkatan minat terhadap keistimewaanannya sebagai mukjizat yang mempunyai impak luar biasa dalam pelbagai aspek tidak terkecuali juga terhadap perkembangan kanak-kanak *autisme*.

Artikel ini bertujuan untuk meneliti bagaimana penggunaan Al-Quran sebagai terapi bunyi dapat memberi impak positif (Burhanuddin, 2020) dalam meningkatkan kemahiran pertuturan serta mengurangkan masalah emosi yang dihadapi oleh kanak-kanak *autism*. Melalui pendekatan yang holistik dan penyelidikan mendalam, kita akan menyelami peranannya yang mempengaruhi dan membentuk kehidupan kanak-kanak ini, memberikan wawasan yang penting kepada komuniti dan mereka yang terlibat dalam penjagaan serta pembangunan mereka.

Kanak kanak *autisme* juga termasuk dalam definisi Orang Kurang Upaya seperti yang terkandung dalam Akta Orang Kurang Upaya (2008) seksyen 2 iaitu "...termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat" (Ahmad et. Al, 2022). Individu autisme yang telah didiagnos dan apabila telah membuat pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), maka ia akan menerima satu kad yang dipanggil kad OKU. Kad tersebut menjadi bukti dokumentasi bagi individu kurang upaya tersebut (Zulazhar et al, 2020). Oleh kerana itu, sangat sesuai Al-Quran sebagai terapi bagi setiap makhluk-Nya termasuklah Orang Kurang Upaya kerana dengan membaca Al-Quran jiwa manusia akan lebih dekat kepada pencipta-Nya. Firman Allah S.W.T dalam surah Ar Ra'd ayat ke 27:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ﴾

"Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram."

Ayat ini mengingatkan kita bahwa ketenangan jiwa dapat ditemukan dalam mengingat Allah.

Terdapat kajian oleh Noor Ashikin dan rakan-rakan (2012) menyatakan bahawa mendengar bacaan Al-Quran berbanding muzik lama atau klasik mempunyai kesan terapi dan ketenangan kepada individu tersebut. Terdapat juga kajian daripada Razali et al., 1998; Hanan & Salwa, 2013; mengatakan sesuatu yang mempunyai elemen keagamaan seperti zikrullah dapat membantu pesakit yang mengalami masalah mental dan juga emosi seperti depresi dan kebimbangan yang ketara atau dikenali sebagai *anxiety* (Sobri et. al, 2022).

Seterusnya terdapat pelbagai jenis terapi bagi kanak kanak yang autisme dalam menyembuhkan serta membantu mereka menjalani hari mereka dengan baik antaranya terapi bunyi air mengalir, terapi main, terapi pasir, terapi melalui pernafasan termasuklah juga terapi Al Quran. Artikel ini hanya memfokuskan terhadap terapi Al Quran sahaja.

Oleh itu, terapi al-Quran adalah suatu perkara penting yang perlu ditekankan dalam usaha untuk membantu anak autisme mendapat terapi dan menguruskan emosi dengan baik. Ianya perlu diusahakan di peringkat awal lagi kerana anak autisme diajar untuk mencari Al Quran sebagai sumber ketenangan ketika mana mereka mempunyai masalah berkaitan emosi dan pertuturan mereka sendiri. Maka secara tidak langsung, pelbagai pihak melakukan sesuatu usaha yang giat bagi membantu golongan ini. Malah, anak autisme juga boleh mendapat

pendidikan al-Quran dengan mengikuti kelas pengajian al-Quran yang sesuai untuk mereka dan menerapkan kaedah yang boleh diikuti dengan baik oleh mereka. Oleh itu, artikel ini adalah untuk membincangkan tentang Al-Quran sebagai terapi bunyi bagi masalah kemahiran pertuturan dan masalah emosi kanak – kanak autism. Artikel ini memuatkan pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, dapatan kajian serta perbincangan, dan seterusnya kesimpulan.

Pernyataan Masalah

Kanak-kanak *autisme* sering mengalami kesulitan dalam memperoleh dan mempraktikkan kemahiran pertuturan serta mengendalikan emosi dengan efektif. Keadaan ini sering menghalang perkembangan sosial mereka dan memberi kesan negatif terhadap kualiti hidup. Dalam konteks ini, terdapat usaha yang semakin banyak untuk menerapkan Al-Quran sebagai terapi bunyi, yang berpotensi memberi kesan positif terhadap kemahiran pertuturan dan masalah emosi yang dihadapi oleh kanak-kanak ini.

Namun, terdapat cabaran yang perlu diatasi dalam menerapkan Al-Quran sebagai terapi bunyi. Salah satunya adalah kesukaran kanak-kanak *autisme* dalam berkomunikasi secara verbal (Pratiwi et al, 2019). Bagaimana cara bagi kita dapat mengadaptasi pengajaran Al-Quran untuk merangsang dan memperbaiki kemahiran pertuturan mereka, dengan mengambil kira keperluan komunikasi yang unik pada setiap individu daripada mereka.

Pemilihan kandungan Al-Quran yang tepat juga menjadi faktor kritikal dalam terapi bunyi ini (Zaki et al, n.d.). Bagaimana pemilihan ayat atau lagu bacaan Al-Quran yang sesuai bagi memberi kesan positif terhadap perkembangan kemahiran pertuturan dan sekaligus membantu mengurangkan masalah emosi yang dihadapi kanak-kanak *autisme*.

Selain itu, penting untuk memahami tahap persediaan kanak-kanak *autisme* dalam menerima terapi bunyi melalui Al-Quran. Harus dibincangkan bagaimana cara terbaik untuk mengukur minat mereka dan memulakan proses terapi ini secara perlahan-lahan serta memastikan penerimaan yang positif dan penyertaan yang aktif daripada mereka. Penilaian keberkesanan terapi bunyi Al-Quran juga merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian tentang bagaimana cara untuk kita dapat mengukur impak terapi ini terhadap perkembangan kemahiran pertuturan dan pengurangan masalah emosi kanak-kanak *autisme*.

Seterusnya, perlu ada kesedaran dan penyediaan sokongan daripada pelbagai pihak dan diantaranya pihak yang paling hampir dengan kanak-kanak ini adalah keluarga, guru, dan terapis. Perlu dibincangkan bagaimana untuk melibatkan mereka dalam memahami dan menyokong implementasi terapi bunyi Al-Quran di rumah dan di persekitaran pendidikan.

Kajian lebih lanjut diperlukan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini serta merangka kaedah yang sesuai untuk mengintegrasikan Al-Quran sebagai terapi bunyi yang efektif dalam membantu kanak-kanak *autisme* mengatasi masalah kemahiran pertuturan dan emosi (Mohamad et al, 2013). Dengan pemahaman mendalam tentang keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak *autisme*, strategi dan kaedah yang teliti dapat dirangka untuk

memastikan Al-Quran berperanan sebagai medium terapi yang memberi manfaat yang maksimum kepada mereka.

Objektif Kajian

Mengkaji dan menilai kesan terapi bunyi bacaan Al-Quran terhadap emosi anak-anak autisme dengan mengumpul data tentang bagaimana terapi bunyi Al-Quran mempengaruhi kemahiran pertuturan kanak-kanak tersebut dan mengukur perubahan tingkah laku mereka selepas menerima terapi dari bunyi bacaan Al-Quran.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan membuat kajian perpustakaan untuk mengumpul maklumat serta mengadakan tinjauan dan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkait rapat dengan terapi bacaan Al-Quran terhadap emosi terutamanya yang memfokuskan kepada anak-anak autisme. Kaedah dokumentasi juga digunakan bagi mendapatkan maklumat atau input yang relevan daripada perspektif sains dan Islam tentang proses pendengaran serta masalah berkaitan yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme. Antara metodologi yang telah dikenalpasti digunakan di dalam kajian yang telah ditemui adalah kaedah pengumpulan data dengan menggunakan *Quantitative Electroencephalograf (EEG)*, kaedah kajian soal selidik dan temubual serta kaedah kualitatif dengan menggunakan penganalisan dokumen seperti artikel jurnal dan tesis. Hasil penelitian menemui banyak jurnal berkaitan dengan kajian Al-Quran dan Neurosains telah dikenalpasti. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada dokumen-dokumen tersebut dikumpulkan dan dianalisis untuk mendapatkan keputusan. Sumber utama rujukan bagi memperoleh maklumat dari perspektif Islam adalah Al-Quran, Hadith Sahih dan penulisan sarjana Islam yang berkaitan. Manakala dari perspektif sains pula, kajian literatur dengan melibatkan penerbitan saintifik dalam jurnal, buku dan tesis.

Bagi pencarian atas talian (*online*), enjin gelintar seperti (*Google Scholar dan Google Book*), pengkalan data seperti *Sciene Direct* dan laman web berautoriti seperti (*lidwa.com*) digunakan. Kata kunci yang dicari adalah 'autism', 'terapi bunyi', 'terapi al-Quran', 'sistem auditori', dan bahagian-bahagian yang berkaitan dengan emosi dan pertuturan.

Sistem Pendengaran Manusia Dari Pandangan Sains dan Islam

Umum mengetahui bahawa ilmu sains merupakan suatu ilmu yang berkait rapat dengan ilmu alam. Ilmu sains juga adalah ilmu yang berkait dengan cara mencari pengetahuan tentang alam secara sistematis dengan kajian-kajian yang dijalankan oleh para ilmuwan sains di seluruh dunia. Walaubagaimanapun, ilmu sains bukanlah suatu ilmu yang asing dari sisi pandangan agama Islam.

Terdapat juga banyak kajian sains yang dikaitkan dengan pendalilan Al-Quran dan Hadith yang merupakan sumber rujukan utama bagi penganut agama Islam itu tersendiri. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan terhadap penelitian tentang sistem pendengaran manusia. Sistem pendengaran merupakan salah satu komponen dalam kejadian penciptaan manusia. Deria pendengaran terlibat secara langsung dalam kebanyakan aktiviti harian, dan selain dari deria penglihatan ia adalah salah satu deria utama bagi menerima rangsangan luaran (Muhammad Ratib, 2010). Deria pendengaran juga melibatkan anggota telinga berfungsi untuk menerima getaran yang berasal dari sesuatu yang bergetar dan memberikan kesan suara.

Apabila bunyi yang dihasilkan ia juga akan mempunyai getaran (gelombang bunyi) yang tersendiri dan mampu untuk membentuk signal khusus melalui sistem auditori dihantar kepada bahagian otak yang tertentu (Saladin, 2008, 449). Kesempurnaan litar neural dan struktur/fungsi otak akan menghasilkan tindak balas yang selaras dengan stimulus/rangsangan yang diterima, seperti penghasilan emosi tertentu dan menjawab pertanyaan dengan jawapan yang bersesuaian. Berbeza dengan sistem penglihatan neural (visual system), sistem pendengaran neural (auditory system) berfungsi hampir setiap masa walaupun ketika tidur (Velluti, 2008, 151-163).

Merujuk kepada sumber utama pegangan umat Islam iaitu Al-Qur'an terdapat beberapa ayat yang menyentuh tentang fungsi bagi setiap sistem deria manusia seperti deria penglihatan, pendengaran, sentuhan, bau dan sebagainya. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh (Ida Yustika Siregar et al., 2021), terdapat tiga surah di dalam Al-Quran yang menyatakan tentang system pendengaran. Ketiga-tiga surah tersebut adalah Surah Makkiah iaitu Surah Al-A'raf 7:179, Al-Isra' 17:36 dan Yunus 10:31, di mana pada salah satu ayat tersebut Allah Ta'ala berfirman:

﴿وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawaban”*.

Berkata Muhammad bin al-Hanafiyyah di dalam kitab Tafsir Ibn Kathir bahawa ayat yang demikian adalah mengenai “Kesaksian Palsu”. Selain itu, Qatadah pula berkata tentang “janganlah kamu katakan kamu mendengar padahal kamu tidak mendengar” adalah dengan tafsiran “Maka jangan lah mendengar hal-hal yang tidak berdasarkan perintah Allah untuk mendengar, Maka pergunakanlah telinga dengan baik karena akan diminta pertanggungjawaban oleh Allah Ta'ala di akhirat kelak” (Abdullah, 2008).

Tambahan pula, deria pendengaran juga adalah medium pertama difokuskan untuk berfungsi sejurus sahaja seorang Muslim dilahirkan. Seorang bapa yang baru menyambut kelahiran bayi digalakkan dengan ganjaran untuk melaungkan seruan azan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri bayi bagi memastikan anak yang dilahirkan mendengar perkataan yang elok dan baik serta dijauhkan dari gangguan syaitan (Adnan Hasan, 2007, 29).

Suatu perintah yang dianjurkan kepada umat Islam yang berkait rapat dengan sistem pendengaran adalah menggunakan perkataan yang baik dan mulia ketika bertutur lebih lagi semasa bercakap dengan individu yang lain. Hal ini kerana, system auditori memiliki unsur yang berkait rapat dengan pengawalan emosi manusia. Hasil daripada pertuturan yang baik akan membuahkan hubungan interaksi yang harmoni sekaligus dapat mengekalkan persaudaraan dan perpaduan dalam hidu bermasyarakat. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Nisa' ayat ke-5:

﴿وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا﴾

Maksudnya: ...*dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.*

Sebuah kajian telah dijalankan bagi menunjukkan sikap agresif seseorang responden kesan daripada mendengar genre muzik yang berbeza (*heavy metal, rap, country, religious dan soul*). Antara hasilnya, responden yang mendengar jenis muzik heavy metal adalah lebih agresif berbanding responden yang mendengar genre muzik yang lain (Rubin et al.,2001). Sudah terang lagi bersuluh bahawa ini adalah bukti setiap bunyi yang didengari oleh manusia akan mempengaruhi sikap mereka dan akan bertindak balas dengan tindakan serta emosi mereka kerana ia sangat berkait rapat antara satu sama lain.

Masalah Pendengaran

Masalah pendengaran adalah keadaan di mana seseorang mengalami kesulitan untuk mendengar atau mengalami gangguan pendengaran. Pelbagai factor yang menjadi sebab berlakunya masalah pendengaran bermula dari faktor genetik, paparan terhadap suara yang keras, penuaan, cedera pada telinga atau kepala, infeksi, gangguan pada saluran pendengaran atau telinga bagian dalam, dan penyakit tertentu seperti diabetes atau penyakit yang mempengaruhi sistem saraf.

Terdapat tiga jenis masalah kurang pendengaran yang telah dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di dalam portal MyHealth (2023), antaranya masalah pendengaran konduktif, yang berpunca daripada masalah pada bahagian telinga luar atau tengah. Kedua, masalah pendengaran sensori neural, masalah ini adalah disebabkan oleh penyakit di bahagian telinga dalam iaitu koklear dan saraf koklear yang menghantar bunyi ke otak, dan yang ketiga, kombinasi penyakit konduktif dan sensorineural.

Menurut kisah Ashabul Kahfi yang diceritakan di dalam Al-Quran, sistem pendengaran boleh berhenti berfungsi dalam keadaan tertentu mengikut kehendak Allah. Diceritakan bagaimana Allah Ta'ala menghentikan sistem pendengaran para pemuda yang melindungi diri mereka dari kezaliman pemerintah di zaman mereka di dalam gua, Surah al-Kahfi ayat ke-11:

﴿فَضْرَبْنَا عَلَى آذَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا﴾

Maksudnya: *Maka Kami tutup telinga mereka di dalam gua itu, selama beberapa tahun.*

Natijahnya, para pemuda tersebut tidak dapat mendengar segala bunyi yang berada di sekeliling mereka, serta tidurlah mereka di dalam gua itu tanpa ada sebarang gangguan yang dapat membangunkan mereka. Keadaan “tertutupnya telinga” berlaku sehingga 300 tahun (berdasarkan hitungan matahari) dan 309 tahun (berdasarkan hitungan bulan) (Syauqi, 2008). Maka, terjadilah sebuah kisah agung yang Allah Ta’ala ceritakan di dalam al-Quran kerana itu juga telah dimanakan surah tersebut dengan Al-Kahfi yang maksud gua. Peristiwa ini juga telah membuktikan kekuasaan Allah Ta’ala kerana para pemuda ini masih mampu mendengar selepas disedarkan daripada kejadian tidur luar biasa itu.

Autisme dan Masalah Komunikasi/ Emosi/ Pembelajaran

Perkataan "autis" berasal dari perkataan Yunani "autos," yang bermaksud "diri sendiri." Kanak-kanak dengan ASD selalunya mementingkan diri sendiri dan nampaknya wujud dalam dunia peribadi di mana mereka mempunyai keupayaan terhad untuk berjaya berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Kanak-kanak dengan ASD mungkin mengalami kesukaran mengembangkan kemahiran bahasa dan memahami apa yang orang lain katakan kepada mereka. Mereka juga sering mengalami kesukaran untuk berkomunikasi secara bukan lisan, seperti melalui gerak isyarat tangan, sentuhan mata dan ekspresi muka.

Autisme ialah penyakit perkembangan yang memberi kesan kepada tingkah laku, interaksi dan komunikasi seseorang dengan orang lain. Kemahiran sosial, komunikasi lisan dan bukan lisan, integrasi deria, dan kawalan emosi adalah semua bidang yang mungkin menjadi kesukaran bagi penghidap autisme. Di samping itu, mereka mungkin mempunyai hobi khusus, kemahiran luar biasa, atau perkembangan bahasa yang tidak sekata. Oleh kerana autisme ialah keadaan spektrum, mungkin terdapat variasi individu yang ketara dalam kedua-dua keamatan dan julat simptom. Walaupun sesetengah individu autistik mungkin memerlukan bantuan harian yang meluas, yang lain mungkin boleh hidup dengan bebas. Walaupun tiada ubat yang diketahui untuk autisme, individu yang mengalami gangguan dan keluarga mereka boleh menjalani kehidupan yang lebih baik berkat campur tangan awal dan pelbagai terapi.

Di bawah adalah beberapa pola penggunaan bahasa dan tingkah laku yang sering ditemui pada kanak-kanak yang menghidap “Autism Spectrum Disorder (ASD)”:

Bahasa berulang atau kaku. Kanak-kanak ASD yang boleh bercakap akan mengatakan perkara yang tidak bermakna atau tidak berkaitan dengan perbualan yang mereka lakukan dengan orang lain. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak mungkin mengira dari satu hingga lima berulang kali di tengah-tengah perbualan yang tidak berkaitan dengan nombor. Atau seorang kanak-kanak boleh terus mengulangi perkataan yang didengarinya—suatu keadaan yang dipanggil echolalia (Mohamad et al, 2013). Ekolalia serta-merta berlaku apabila kanak-kanak mengulangi perkataan yang baru diucapkan seseorang. Sebagai contoh, kanak-kanak mungkin menjawab soalan dengan bertanya soalan yang sama

Minat yang sempit dan kebolehan yang luar biasa. Sesetengah kanak-kanak mungkin boleh menyampaikan monolog yang mendalam tentang topik yang menarik minat mereka, walaupun mereka mungkin tidak dapat meneruskan perbualan dua hala mengenai topik yang sama. Orang lain mungkin mempunyai bakat muzik atau kebolehan lanjutan untuk mengira

dan membuat pengiraan matematik. Kira-kira 10 peratus kanak-kanak dengan ASD menunjukkan kemahiran "cerdas", atau kebolehan yang sangat tinggi dalam bidang tertentu, seperti hafalan, pengiraan kalendar, muzik atau matematik.

Perkembangan bahasa yang tidak sekata (NIDCD, 2018). Ramai kanak-kanak dengan ASD mengembangkan beberapa kemahiran pertuturan dan bahasa, tetapi tidak mencapai tahap kebolehan normal, dan kemajuan mereka biasanya tidak sekata. Sebagai contoh, mereka mungkin mengembangkan perbendaharaan kata yang kuat dalam bidang minat tertentu dengan cepat. Ramai kanak-kanak mempunyai ingatan yang baik untuk maklumat yang baru didengar atau dilihat. Sesetengah mungkin boleh membaca perkataan sebelum umur lima tahun, tetapi mungkin tidak memahami apa yang telah mereka baca. Mereka sering tidak bertindak balas terhadap ucapan orang lain dan mungkin tidak menjawab nama mereka sendiri. Akibatnya, kanak-kanak ini kadangkala tersalah anggap mempunyai masalah pendengaran.

Kemahiran perbualan bukan lisan yang lemah. Kanak-kanak dengan ASD selalunya tidak dapat menggunakan gerak isyarat—seperti menunjuk ke objek—untuk memberi makna pada pertuturan mereka. Mereka sering mengelak daripada bertentang mata, yang boleh menyebabkan mereka kelihatan kurang ajar, tidak berminat atau lalai. Tanpa gerak isyarat yang bermakna atau kemahiran bukan lisan lain untuk meningkatkan kemahiran bahasa lisan mereka, ramai kanak-kanak yang mengalami ASD menjadi kecewa dalam percubaan mereka untuk menyatakan perasaan, fikiran dan keperluan mereka. Mereka mungkin melakukan kekecewaan mereka melalui ledakan vokal atau tingkah laku lain yang tidak sesuai (NIDCD, 2018).

Kanak-kanak autisme sering bergelut dengan peraturan emosi (Mazefsky et al, 2013). Emosi besar dalam autisme boleh dikaitkan dengan masalah dengan integrasi deria, defisit komunikasi dan kesukaran memahami isyarat sosial—dan ia boleh menjadi sukar untuk dikawal dan dinyatakan dengan sewajarnya (Joshi, 2018). Cetusan emosi boleh menjadi sukar bagi semua orang yang terlibat. Walaupun peraturan emosi tidak datang secara semula jadi kepada ramai orang autistik, ia adalah kemahiran yang boleh diajar. Kemahiran emosi juga boleh terjejas. Orang autistik mungkin mengalami pelbagai emosi seperti orang lain, tetapi cara mereka memproses dan meluapkannya mungkin berbeza (Positive Autism, 2023).

Peningkatan kepekaan atau keengganan terhadap bunyi, pencahayaan, tekstur atau bau tertentu adalah contoh sensitiviti deria yang dialami oleh ramai penghidap autisme. Sukar untuk menguruskan sensitiviti ini, yang boleh menyebabkan penderitaan emosi. Kesukaran dalam Meluahkan Emosi: Penghidap autisme mungkin sukar untuk meluahkan dan memahami perasaan mereka. Sesetengah orang boleh bergelut untuk mengenal pasti dan mengkategorikan perasaan mereka sendiri serta memahami dan memahami emosi orang lain. Ketegaran dan Rutin: Individu dengan autisme selalunya lebih suka rutin dan kebolehamalan. Perubahan dalam rutin boleh menyusahkan, membawa kepada disregulasi emosi. Keutamaan untuk persamaan dan rutin ini boleh memberi kesan kepada kehidupan harian dan interaksi (Rudy, 2023).

Ianya sangat penting untuk kita sedar bahawa setiap orang yang mempunyai autisme adalah berbeza, dan mereka semua akan mempunyai kekuatan dan perjuangan yang berbeza.

Perkembangan dan kesejahteraan penghidap autisme boleh dipertingkatkan dengan ketara melalui intervensi awal, bantuan yang disesuaikan dan pemahaman. Tambahan pula, terdapat evolusi berterusan dalam bidang penyelidikan dan sokongan autisme, yang akhirnya membawa kepada pengetahuan dan penyelesaian yang lebih baik.

Terapi Bunyi (Sound Therapy)

Terapi menurut portal Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke-4 adalah rawatan sesuatu penyakit mental atau fizikal secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan (DBP, 2013). Dalam bidang perubatan, antara kaedah yang digunakan untuk merawat masalah tekanan perasaan, masalah fungsi motor, gangguan emosi, serta pertuturan adalah dengan menggunakan kaedah terapi bunyi, seperti terapi muzik.

Terapi bunyi adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk mengurangkan kesan negatif tinitus, yang merupakan bunyi di dalam telinga tanpa sumber luar. Terapi bunyi melibatkan penggunaan peranti yang memperbaiki pendengaran atau menjana bunyi, seperti alat bantuan pendengaran, penjana bunyi, atau kombinasi keduanya. Matlamat terapi bunyi adalah untuk meningkatkan tahap kebisingan di persekitaran pesakit dan pada masa yang sama mengurangkan persepsi pesakit terhadap tinnitus (Portal MyHEALTH, 2017).

Terapi bunyi juga boleh merujuk kepada terapi muzik, yang merupakan terapi yang menggunakan muzik untuk meningkatkan kesehatan fisik dan emosional. Terapi muzik mungkin melibatkan beberapa langkah, termasuk mendengar muzik, bernyanyi bersama muzik, menari mengikut irama muzik, memainkan alat muzik, atau bermeditasi. Terapi muzik dikatakan dapat membantu mengurangkan stres, meningkatkan mood, merangsang ingatan, dan meningkatkan fungsi otak (Sereda et al, 2018).

Terapi Muzik pula ialah sejenis rawatan yang menggunakan muzik untuk membantu meningkatkan kesejahteraan seseorang. Ia boleh termasuk menghasilkan muzik, menyanyi, menari, mendengar muzik atau membincangkan tentang muzik (Psychology Today, n.d.). Terapi muzik boleh membantu dengan pelbagai penyakit, termasuk tekanan, kebimbangan, kesedihan, kesakitan, dan gangguan kognitif. Terapi muzik diasaskan atas premis bahawa muzik boleh mempengaruhi emosi, idea dan tingkah laku kita. Muzik juga boleh mengaktifkan beberapa bahagian otak, meningkatkan ingatan, tumpuan dan kreativiti kita. Terapi muzik boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan di bawah pengawasan ahli terapi muzik bertauliah.

Kaedah terapi ini turut diakui oleh sarjana Islam terdahulu, terutamanya dari era kegemilangan tamadun Islam. Beberapa sarjana Islam seperti al-Farabi, al-Kindi, Muhyiddin Ibn Arabi dan Safi al-Din Abd al-Mu'min adalah antara yang terlibat dalam ilmu kesenian muzik (Zulhifli, 2013). Peranan muzik terbukti memainkan peranan penting terutamanya dalam bidang psikologi. Menurut al-Kindi, gabungan not muzik yang sesuai akan menghasilkan muzik yang harmoni dan disukai ramai. Ini dikenali sebagai consonance (menyenangkan kerana berharmoni) dan bunyi yang sebaliknya dikenali sebagai dissonance (tidak berharmoni).

Antara tujuan terapi musik ini ialah ia boleh membantu dari aspek pemulihan fisik. Terapi musik dapat membantu dalam rehabilitasi fisik, seperti pemulihan pasca-trauma atau operasi. gerakan dan ritma dalam musik dapat digunakan untuk meningkatkan koordinasi motorik dan kekuatan otot. Selain itu, ia juga memainkan peranan dalam kesihatan mental dan emosional kerana musik memiliki kekuatan untuk memengaruhi suasana hati dan emosi seseorang. Terapi musik digunakan untuk mengelola stres, kecemasan, dan depresi, serta meningkatkan kesejahteraan emosional. Terapi musik juga mempengaruhi aspek keterampilan sosial terhadap individu dengan gangguan perkembangan atau autisme, terapi musik dapat membantu meningkatkan keterampilan sosial dan interaksi dengan orang lain melalui aktiviti musik yang bersama-sama.

Seterusnya adalah terapi bunyi melalui bacaan al-Quran. Dipetik daripada surah al-Ruum, ayat 53, di mana Allah SWT berjanji, "Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang buta (mata hati) daripada kesesatan mereka..." Firman suci al-Quran ialah sebaik-baik kalam yang patut didengari oleh semua makhluk, menandakan bahawa orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Kami). Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w bagi membimbing manusia dalam menjalani kehidupan mereka. Al-Quran mengandungi pelbagai nada huruf serta susunan huruf yang harmoni di mana akan memberi kesan positif kepada sesiapa yang membaca dan mengamalkannya.

Al-Quran juga membawa manfaat besar kepada manusia seperti mengandungi penyembuh yang dapat merawat pelbagai penyakit sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud "Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Qur'an, ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Qur'an tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua" (Surah al-Isra' 17:82).

Menurut Sayyid Qutb (2010), al-Quran mengandungi penawar yang boleh meredakan perasaan tidak tenang kerana ia menjalinkan hubungan antara hati manusia dengan Allah SWT dimana ia mampu memberikan ketenteraman kepada manusia. Menurut Ibn Qayyim al-Jauzi, al-Quran adalah penawar yang indah untuk setiap penyakit, sama ada fizikal atau rohani. Sekali lagi, katanya, kesembuhan akan datang kepada mereka yang konsisten mengambil ubat berdasarkan ayat al-Quran dan mengalami kesakitan (Salman Rusydie Anwar & Arina Darmawis. 2011).

Bacaan Al-Quran Dan Terapi Emosi

Rawatan al-Quran merupakan satu teknik merawat dan mengurus masalah kesihatan yang menggunakan audio dalam bentuk ayat al-Quran. Rawatan al-Quran, di mana ayat-ayatnya merangkumi frekuensi suara dan gelombangnya sendiri yang mampu mempengaruhi dan menyembuhkan sel-sel otak yang rosak, dapat memberikan kesembuhan dan ketenangan kepada mereka yang mendengarnya (Abduddaim Kahel, 2010). Telah ditunjukkan bahawa mendengar ayat-ayat Al-Quran secara berterusan meningkatkan keupayaan seseorang untuk

menangani masalah emosi, mental dan lain-lain. Asas rawatan Al-Quran adalah idea bahawa terapi bunyi, atau getaran suara, menyebabkan tubuh manusia bergetar dan bertindak balas, mencipta corak dan getaran harmonik yang timbul daripada membaca atau mendengar ayat-ayat Al-Quran.

Sejarah Islam memberikan contoh kesan emosi bacaan al-Quran, seperti kisah Saidina Umar al-Khattab, yang hatinya dilembutkan oleh keindahan al-Quran sebelum memeluk Islam. Dari perspektif psikologi, emosi boleh membentuk tingkah laku dan membuat keputusan, dan bacaan al-Quran mungkin mempunyai kesan positif terhadap peraturan emosi. Bagi umat Islam, al-Quran dianggap sebagai wahyu yang ajaib daripada Allah, dan bacaannya dipercayai mempunyai pelbagai manfaat, termasuk kesan mental dan rohani. Kajian telah menunjukkan bahawa bacaan al-Quran boleh memberi kesan menenangkan kepada individu, menghasilkan gelombang alpha EEG dan memberikan kelonggaran yang lebih besar daripada muzik. Penemuan ini menunjukkan bahawa bacaan al-Quran mungkin menjadi alat yang berguna dalam terapi emosi, terutamanya bagi individu yang mempunyai autisme yang bergelut dengan peraturan emosi (Mohamad, 2013).

Bacaan al-Quran sebagai teknik terapi menekankan betapa mudahnya menyampaikan bacaan al-Quran melalui kaedah pendengaran langsung, seperti radio, telefon pintar, dan alat-alatan audio. Selain itu, ia juga boleh dilakukan secara lisan oleh pihak yang berminat, seperti ibu bapa atau pengajar. Ini membayangkan bahawa bacaan al-Quran boleh digunakan secara terapeutik dan ia boleh digabungkan ke dalam pelbagai konteks, menjadikannya tersedia kepada mereka yang mungkin mendapat manfaat daripadanya (Mohamad, 2013).

Membaca ayat-ayat al-Quran boleh membantu orang menjadi lebih tenang, oleh itu adalah penting untuk menggunakannya dengan orang autistik yang bergelut dengan emosi mereka. Selain itu, penghidap autisme menunjukkan defisit dalam mengaktifkan kawasan otak tertentu yang bergantung pada jenis rangsangan pendengaran yang mereka terima. Contohnya, kekerapan ayat diulang. Oleh itu, bacaan al-Quran boleh memberi impak yang menenangkan dan mungkin juga mengaktifkan otak dengan cara yang baik, menjadikannya alat yang berharga dalam rawatan emosi bagi mereka yang mempunyai autisme. Ayat tersebut membayangkan bahawa mereka yang mempunyai autisme yang sukar mengawal emosi mereka boleh mendapat manfaat terutamanya daripada bacaan al-Quran.

Bacaan Al-Quran dan Terapi Pertuturan

Menurut teori ini, rawatan al-Quran menggunakan kaedah penggunaan bunyi melalui bacaan al-Quran, menangani keadaan kesihatan tertentu dengan bantuan surah atau ayat tertentu (seperti Ayat Kursi 2:255). Ayat tersebut juga membincangkan penggunaan bacaan al-Quran dalam perubatan tradisional Islam untuk menangkis makhluk ghaib, seperti jin. Al-Quran juga telah didapati boleh meningkatkan pertuturan kanak-kanak autisme. Mengajar kanak-kanak autisme membaca al-Quran telah terbukti dapat meningkatkan kebolehan pertuturan mereka. Pembacaan ayat al-Quran kepada kanak-kanak autisme akan membantu mereka dalam daya

ingatan. Selain itu, apabila ayat-ayat ini diucapkan dengan kuat, ia mungkin membantu kebolehan komunikasi kanak-kanak autistik secara tidak sengaja (Nurhayati et al, 2018).

Di samping itu, petikan yang diambil dari Surah al-Rum yang menonjolkan kepentingan ayat-ayat al-Quran dan keperluan beriman untuk memahami nasihat mereka. Ia membayangkan bahawa semua makhluk harus mendengar kata-kata suci Al-Quran, yang bermaksud bahawa membaca Al-Quran dengan kuat boleh memberi manfaat sebagai rawatan, walaupun bagi mereka yang mempunyai autisme. Ia juga membuat perbandingan dengan cara muzik boleh membantu pemuzik yang menghidap penyakit Alzheimer memulihkan ingatan semantik dan prosedur mereka dan mencipta kenangan berpanjangan melalui pengulangan, menonjolkan kemungkinan manfaat terapeutik bacaan al-Quran pada pertuturan dan ingatan.

Teknik pengajaran Al-Quran membantu anak-anak autisme dalam mempelajari cara menyebut perkataan dalam Al-Quran menggunakan fonem yang betul. Kanak-kanak autisme mungkin mengajar mulut mereka untuk bercakap dengan aktiviti ini, yang sepatutnya meningkatkan kebolehan bercakap mereka. Oleh itu, mempelajari al-Quran adalah berfaedah untuk perkembangan pertuturan kanak-kanak autisme di samping manfaat rohaninya.

Bacaan al-Quran memberi kesan positif kepada kanak-kanak autisme sebagai terapi pertuturan. Walaupun kanak-kanak autisme mungkin tidak memahami makna ayat-ayat al-Quran yang didengar, bacaan tersebut tetap memberi kesan positif kepada mereka. Mendengar bacaan ayat-ayat al-Quran membolehkan kanak-kanak autisme untuk menyebut ayat-ayat tersebut, dan ini menjadi sebahagian daripada terapi untuk memperbaiki kemahiran pertuturan mereka. Dengan demikian, bacaan al-Quran tidak hanya memberi kesan positif secara emosi, tetapi juga membantu dalam perkembangan kemahiran pertuturan kanak-kanak autisme (Nurhayati et al, 2018).

Kesimpulan

Kesimpulannya, rawatan al-Quran merupakan satu kaedah inovatif untuk merawat dan mengubati pelbagai gangguan fizikal dan mental. I'jaz Tathiri yang terdapat dalam surat al-Quran boleh memberi manfaat kepada sesiapa yang membaca dan menggunakannya. Hasilnya, membaca dan mendengar al-Quran dapat menghidupkan semula sel-sel yang tidak aktif dan membantu dalam rawatan penyakit manusia. Rawatan al-Quran dilaporkan telah digunakan untuk menyembuhkan pelbagai keadaan perubatan, termasuk tekanan, kesedihan, emosi, psikologi, strok, dan kerosakan otak. Walaupun kanak-kanak autisme tidak dapat memahami ayat-ayat al-Quran, rawatan al-Quran masih boleh memberi pengaruh positif terhadap tingkah laku, emosi dan kebolehan lisan mereka. Bagi menjamin bahawa kanak-kanak autisme mendapat manfaat fizikal dan rohani daripada proses mendengar al-Quran, esei ini menawarkan pandangan tentang rawatan yang baik, khususnya terapi al-Quran. Teknik terapi alternatif ini dilihat dari sudut mekanik dalaman sistem pendengaran, yang disambungkan kepada fungsi otak tertentu yang dikaitkan dengan kesukaran yang dialami oleh kanak-kanak autisme. Memang diakui bahawa salah satu mediator proses pembelajaran ialah medium auditori. Adalah dipercayai bahawa penjelasan al-Quran tentang faedahnya, termasuk petikan

yang menggambarkan kelebihanannya berbanding sistem lain, mempunyai kepentingan khusus bagi ciptaan Allah. Terapi al-Quran boleh digunakan untuk membiasakan orang autistik dengan ayat-ayat terapeutik melalui sistem pendengaran mereka, yang bertindak sebagai pemangkin yang baik untuk meningkatkan emosi dan pertuturan anak-anak autisme.

Rujukan

- Abduddaim Kahel. 2010. *Terapi Ayat Suci: Terapi Al-Quran Untuk Hidup Sihat*. Selangor: Darul Quran Nurul Hasanah.
- Abdullah, M. (2008). *Tafsir Ibn Katsir*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Adnan Hasan, S.B. (2007). *Mendidik anak laki-laki*. Penyunting Sumarti M.Thahir, Abu Hanifaah. Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad, K., Ibrahim, M. A. H., & Abdullah, M. (2022). *Autistik dari Perspektif Undang-Undang dan Hukum Islam*. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*.
- Burhanuddin, B. (2020). *Zikir Dan Ketenangan Jiwa (Solusi Islam Mengatasi Kegelisahan dan Kegagalan Jiwa)*. *Media Intelektual Muslim Dan Bimbingan Rohani*, 6(1).
- Ida Yustika Siregar, Indayana Febriani Tanjung, Siti Maysarah. *Fungsi Sistem Indera Manusia Perspektif Sains Terintegrasi Al-Qur'an dan Hadits*. Universitas Islam Negeri (UIN) Sumatera Utara. *Journal Of Islamic Education*.
- Joshi, G., Wozniak, J., Fitzgerald, M., et al. (2018). *High risk for severe emotional dysregulation in psychiatrically referred youth with autism spectrum disorder: a controlled study*. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 48(9), 3101-3115.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2023). Kurang Pendengaran di Kalangan Dewasa (Bukan dari Lahir). <http://www.myhealth.gov.my/kurang-pendengaran-di-kalangan-dewasa-bukan-dari-lahir/>
- Laman Portal Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). <http://prpm.dbp.gov.my/> diakses pada 4 Februari 2013.
- Mazefsky, C.A., Herrington, J., Siegel, M., et al. (2013). *Peranan pengawalan emosi dalam gangguan spektrum autisme*. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 52(7), 679-688.
- Mohamad, S. P., et al. (2013). *Bacaan Al-Quran Dan Terapi Emosi*. *Quranica*, 5(2), 63.
- Mohamad, S. P., et al. (2013). *Terapi Bunyi Melalui Bacaan Al-Quran*. *Quranica*, 5(2), 62.

- Mohamad, S.P., Yusoff, M.Z.M., & Adli, D.S.H. (2013). *Terapi Bunyi Melalui Bacaan Al-Quran Bagi Masalah Emosi dan Kemahiran Motor Pertuturan Kanak-kanak Autistik*.
- Muhammad Ratib, A. N. (2010). *Keajaiban tubuh manusia*. Penterjemah Muhammad Harun Zain. Selangor: Jasmin Publication.
- National Institute on Deafness and Other Communication Disorders. (2018, July 17). *Autism Spectrum Disorder: Communication Problems in Children*. NIDCD.
- Nurhayati Syazwani Zulkafli, Latifah Abdul Majid, & Hamdi Ishak. (2018). *Inovasi Perubatan Melalui Terapi al-Quran Terhadap Kanak-Kanak Autisme*. *Jurnal al-Turath*, 3(2), 44.
- Portal MyHEALTH. (2017, March 15). Pengurusan Tinitus. Portal MyHEALTH.
- Positive Autism. (2023, April 11). *Social and emotional skills in autistic children*. Positive Autism.
- Pratiwi, M. R., Mardiana, L., & Yusriana, A. (2019). *Komunikasi Non-Verbal Anak Autis pada Masa Adaptasi Pra Sekolah*. *Komunida: Media Komunikasi dan Dakwah*, 9(1), 37-52.
- Psychology Today. (n.d.). Music therapy. Retrieved April 21, 2023, from www.psychologytoday.com/us/therapy-types/music-therapy
- Rubin, A. M., D. V. West, et al. (2011). *Differences in aggression, attitudes toward women, and distrust as reflected in popular music preferences*. *Media Psychology* 3(1), 25-42
- Rudy, L. J. (2023, October 12). *Autism and emotions: Helping your child cope*. Verywell Health.
- Saladin, K. S. (2008). *Human anatomy. 2nd ed. New York: McGraw Hill International Edition*.
- Salman Rusydie Anwar & Arina Darmawis. 2011. *Sembuh dengan Al-Quran*. Selangor: S. A. Majeed & Co. Sdn. Bhd.
- Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman
- Sereda M, Xia J, El Refaie A, Hall DA, Hoare DJ. *Terapi bunyi (menggunakan peranti amplifikasi atau penjana bunyi) untuk tinitus*. *Cochrane*. (2018, December 27).
- Sobri, N. S. H., Salleh, K., & Salleh, N. (2022). *Amalan Kerohanian Merawat Tekanan Emosi Pesakit COVID-19 [Spiritual Practice in Treating Emotional Stress of COVID-19's Patients]*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 5(1),

Syauqi, A. K. (2008). *Atlas al-Quran mengungkap misteri kebesaran al-Quran*. Penterjemah M. Abdul Ghoffar. Jakarta Timur: Almahira.

Velluti, R. A. (2008). *The auditory system in sleep*. Elsevier Ltd.

Zaki, H. S. M., & Osman, K. Pendekatan Al-Quran Dan As-Sunnah Dalam Menangani Kemurungan Al-Quran and As-Sunnah Approach In Dealing With Depression.

Zulhifli H. (2013). Sumbangan intelektual islam dalam seni. zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/jurnal-tamadun.pdf diakses pada 1 Mac 2013.